

Modul simulasi banjir

FOTO: NOOR ATIQAH SULAIMAN

■ Gerak pemimpin masyarakat tingkat keberkesanan hadapi bencana

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my
Putrajaya

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) akan mewujudkan satu modul simulasi banjir dalam masa terdekat bagi membölekan pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi berperanan lebih besar dan berkesan ketika berdepan tragedi berkenaan.

Menterinya, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, pada masa sama, Jawatan kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di seluruh negara turut diperkasakan dengan kemahiran pengurusan banjir ke arah kesiapsiagaan menghadapi



ALEXANDER (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan banjir kepada wakil agensi KKLW pada majlis Apresiasi dan Penyampaian Bantuan Banjir di Kementerian Kemajuan Luar Bandar, Putrajaya.

bencana itu pada masa depan.

“Dengan mengambil hikmah dan pengajaran di sebalik tragedi banjir, saya juga mahu melihat satu koordinasi lebih menyeluruh dan lengkap bagi kita bersedia sedia menghadapi tragedi ini.

“Jadikan pengalaman hari ini sebagai persediaan bagi kita bersiap siaga pada masa

depan dalam pelbagai aspek,” katanya pada Majlis Apresiasi dan Penyampaian Bantuan Banjir KKLW 2014 di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan timbalannya, Datuk Alexander Nanta Linggi.

Mohd Shafie berkata, Kerajaan Pusat menyalurkan peruntukan RM130 juta kepada KKLW bagi bantuan banjir merangkumi usaha

memperbaiki infrastruktur asas, rumah, bangunan serta lain-lain dan ia sudah digerakkan serta dilaksanakan.

“Lebih 200,000 mangsa terbabit dalam bencana banjir di seluruh negara di mana kebanyakan kawasan bencana banjir itu sebahagian besar terletak di kawasan luar bandar,” katanya.